

Dalam surat berita ROSA edisi kali ini, kami ingin berkongsi maklumat perpindahan kami baru-baru ini ke Fakulti Sains Sosial dan Kolej Kajian Integratif SMU yang baharu, serta mengemukakan hasil dapatan utama berkenaan hubungan, keperluan, dan pilihan penjagaan dalam kalangan responden SLP kami.

Sorotan ROSA

Pada 15 Jun, ROSA mengucapkan selamat tinggal kepada pejabat lama kami yang terletak di Fakulti Sains Sosial SMU di 90 Stamford Road. Pasukan kami mengambil masa sebulan untuk merancang dan mengemas untuk perpindahan ini dan berjaya menyiapkan susun atur di pejabat baharu pada hari yang sama kami berpindah. Pejabat baharu ROSA kini terletak di **10 Canning Rise, #05-01 Singapore 179873**, dalam kawasan bangunan Fakulti Sains Sosial/Kolej Kajian Integratif SMU yang baharu! Bangunan ini terletak bersebelahan dengan Fakulti Undang-undang Yong Pung How dan Fort Canning Park.



Pemandangan di luar Fakulti Sains Sosial/Kolej Kajian Integratif SMU yang baharu

Kami mengalu-alukan kunjungan anda ke ruang pejabat baharu kami apabila kami mulakan semula temu bual bersemuka untuk temu bual bulanan dan kumpulan tumpuan bermula September 2022. Untuk rujukan akan datang, berikut ialah tunjuk arah untuk ke bangunan baharu kami; terdapat tiga stesen MRT berhampiran,

anda boleh turun di stesen ini dan berjalan kaki ke bangunan kami: City Hall, Clarke Quay, dan Fort Canning. Anda juga boleh turun di stesen MRT Bencoolen atau stesen MRT Bras Basah, berjalan melalui lapangan SMU, dan ikut tanda arah yang tersedia untuk membantu anda ke sini. Anda boleh merujuk peta di <https://maps.smu.edu.sg/> untuk mendapatkan gambaran lebih lanjut tempat bangunan baharu kami!

Kakitangan Contoh

Kami ingin memperkenalkan anda kepada dua orang ahli baharu ROSA yang menyertai pasukan kami pada Disember 2021 - Jia Ying dan Yen Cong!



Jia Ying ialah seorang Pembantu Penyelidik yang bertugas membantu kerja-kerja operasi di pusat ini. Ini termasuk mengendalikan pertanyaan yang dikemukakan oleh ahli SLP, jadi mungkin ada antara anda yang pernah berkomunikasi dengannya! Jia Ying mempunyai latar belakang dalam bidang Psikologi, beliau bersungguh-sungguh ingin menyumbang kepada peningkatan kesejahteraan warga emas di ROSA. Beliau berharap agar dapat terus menggunakan pengetahuan dan minatnya dalam bidang Psikologi untuk membina kerjaya yang membantu peningkatan kesihatan mental dan kesejahteraan sosial orang ramai. Pada waktu lapang, Jia Ying belajar menari balet dan gemar membuat kerja seni dan kraf.




Sebagai seorang Pembantu Penyelidik, tugas utama Yen Cong di ROSA ialah memproses data, iaitu menyediakan set data tinjauan bulanan untuk dianalisis. Beliau juga membantu menganalisis beberapa projek penyelidikan di

ROSA. Pada hujung minggu, beliau gemar menonton vlog harian, membaca kisah bukan fiksiyen, seperti buku usaha diri dan buku berkenaan pelbagai isu sosial yang berbeza, serta meluangkan masa bersama rakan-rakan menjelajahi Singapura.


Sorotan Penyelidikan

Pada Mac 2022, kami telah bertanya kepada anda berkenaan pengalaman sebagai penjaga, atau jika anda bukan penjaga, apakah keperluan serta pilihan anda untuk sokongan penjagaan. Daripada jumlah 1529 orang ahli SLP yang mengambil bahagian, 1251 orang ahli (81.82%) bukan penjaga, sementara 205 orang ahli (13.41%) menjaga seseorang yang berumur 60 tahun atau lebih dan 73 orang ahli (4.77%) menjaga seseorang yang berumur di bawah 60 tahun (lihat **Gambar rajah 1**).




Gambar rajah 1: Kadar penjaga

Kami mendapati kebanyakan penjaga menjaga ahli keluarga terdekat. "Ibu" dan "Pasangan" ialah penerima penjagaan yang paling lazim, seperti yang ditunjukkan dalam **Gambar rajah 2**.



Gambar rajah 2: Penerima penjagaan penjaga yang ditinjau. Gambar rajah menunjukkan kadar responden yang menyatakan mereka menjaga penerima penjagaan bagi setiap kategori.


36.82% penjaga menyatakan ibu mereka sebagai orang yang mereka jaga, sementara 29.24% menyatakan pasangan mereka ialah orang yang mereka jaga. Ini diikuti dengan ayah (11.55%) dan anak perempuan (10.83%).



Gambar rajah 3: Kesukaran yang dihadapi oleh penerima penjagaan penjaga yang ditinjau dalam melakukan pelbagai aktiviti kehidupan harian (n = 205)

Kami juga bertanya kepada penjaga individu yang berumur 60 tahun ke atas, jenis bantuan yang diperlukan oleh orang yang mereka jaga. Berdasarkan **Gambar rajah 3**, penerima penjagaan menghadapi paling kurang kesukaran semasa makan dan semasa hendak tidur serta bangun daripada tidur. Walau bagaimanapun, hampir satu pertiga daripada penerima penjagaan mengalami kesukaran atau tidak dapat memakai pakaian atau mandi tanpa bantuan penjaga atau pertolongan peranti bantuan. Oleh itu, walaupun kebanyakan penerima penjagaan mungkin tidak memerlukan banyak bantuan untuk aktiviti ini, masih terdapat ramai penjaga yang perlu membantu penerima penjagaan mereka untuk aktiviti tersebut, yang merupakan tugas yang sangat mencabar.

Kami juga telah bertanya kepada responden, apakah perkhidmatan yang mereka rasa berguna untuk mereka menjalankan tanggungjawab penjagaan, atau untuk penjagaan diri mereka sendiri jika mereka bukan penjaga (lihat **Gambar rajah 4**).




Gambar rajah 4: Perkhidmatan yang didapati berguna oleh responden untuk membantu tugas penjagaan mereka. Angka menunjukkan kadar responden dalam setiap kumpulan yang memilih setiap perkhidmatan

Keinginan bagi setiap jenis perkhidmatan yang berlainan kelihatan jauh berbeza antara dua kumpulan ini. Kebanyakan penjaga percaya penyeliaan 24/7 dan bantuan tunggu sedia untuk kes kecemasan akan sangat membantu mereka, sementara penerima penjagaan

yang bukan penjaga pula percaya penyaringan dan pemeriksaan kesihatan untuk pencegahan ialah langkah paling penting untuk memenuhi keperluan mereka.

Akhir sekali, kami bertanya kepada responden tentang urusan tempat tinggal pilihan mereka untuk orang yang mereka jaga (bagi penjaga) atau bagi diri mereka sendiri pada masa akan datang jika mereka bukan penjaga.



Gambar rajah 5: Pilihan urusan tempat tinggal dalam kalangan responden. Angka menunjukkan kadar responden dalam setiap kumpulan yang menilai setiap pilihan antara dua pilihan utama mereka sama ada untuk diri mereka sendiri atau orang yang mereka jaga.

Keputusan yang terpapar dalam **Gambar rajah 5** menunjukkan kedua-dua kumpulan mempunyai persamaan pilihan iaitu untuk tinggal di rumah dengan penjagaan berasaskan komuniti atau dengan penjaga sepenuh masa. Dua pilihan ini menjadi pilihan utama kedua-dua kumpulan. Ini menunjukkan bagi responden, sama ada untuk diri mereka sendiri atau untuk orang yang mereka jaga, mereka lebih suka menghabiskan usia dalam persekitaran yang selesa dan terbiasa dengan diri mereka, seperti di rumah sendiri, berbanding kemudahan hidup berbantu atau rumah penjagaan. Ini menunjukkan kepentingan hubungan sosial dalam kehidupan harian kerana responden SLP kami lebih suka menghabiskan usia emas mereka dengan kekal aktif secara sosial dalam komuniti!

Melindungi diri kita daripada COVID-19

Semasa surat berita ini ditulis, Kementerian Kesihatan telah menjangka gelombang jangkitan COVID-19 baharu mungkin berlaku antara Julai hingga Ogos 2022. Kami ingin mengingatkan semua ahli SLP kami yang belum mendapatkan suntikan penggalak agar berbuat demikian dengan segera! Pemvaksinan ialah cara terbaik untuk kita melindungi diri kita sendiri dan orang di sekeliling kita daripada jangkitan COVID-19. Untuk maklumat lanjut tentang suntikan penggalak dan vaksin COVID-19 secara umum, anda boleh mengunjungi www.moh.gov.sg/covid-19/vaccination.

Hubungi Kami

Jika anda telah berubah alamat atau nombor telefon, memerlukan sebarang bentuk bantuan untuk menjawab tinjauan, atau ada sebarang soalan atau maklum balas, sila hubungi kami di Talian Utama Pusat kami di nombor 6808 7910 (9 pagi hingga 5 petang, Isnin hingga Jumaat) atau e-mel kepada slp@smu.edu.sg. Kami sentiasa sudi mendengar daripada anda.